

11 AUG 1999

Osu-Kilang

KILANG KERTAS CHINA/MALAYSIA DI KALABAKAN, KATA OSU

KOTA KINABALU, 11 Ogos (Bernama) -- Kabinet Sabah hari ini memutuskan untuk menempatkan kilang pulpa dan kertas hasil usahasama Malaysia dan China di Kalabakan, Tawau, di pantai timur negeri ini.

Ketua Menteri Datuk Osu Sukam hari ini berkata satu perjanjian berhubung perkara itu akan ditandatangani di China semasa wakil kerajaan negeri menyertai lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu minggu depan.

"Sebuah kawasan milik Benta Wawasan, anak syarikat Innoprise Corporation Sdn Bhd (ICSB) seluas 220,000 hektar akan disediakan bagi penanaman semula kayu dan menempatkan kilang itu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kabinet negeri, di sini.

Memorandum persefahaman mengenai pembinaan kilang berkenaan ditandatangani pada Ogos 1997 antara China dan Malaysia, dan kerajaan Persekutuan kemudian memutuskan untuk menempatkan kilang itu di Sabah.

Osu yang juga Menteri Kewangan berkata Sabah akan menandatangani perjanjian susulan dengan syarikat dari China minggu depan bagi mengesahkan memorandum persefahaman yang ditandatangani dua tahun lepas.

Setiausaha Kerajaan Negeri Tan Sri Datu Khalil Datu Jamalul dijangka menandatangani perjanjian itu bagi pihak kerajaan negeri.

Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dalam lawatannya ke Sabah tahun lepas telah meminta kerajaan negeri mempercepatkan proses kelulusan tanah bagi pembinaan kilang dan kawasan penanaman kayu bagi kegunaan kilang usahasama itu.

Lim berkata kilang berkenaan memerlukan antara 500,000 tan hingga 750,000 tan bahan mentah setahun bagi memenuhi keperluan operasinya.

Projek terbahagi kepada dua bahagian iaitu penanaman pokok dan kilang.

Bagi penanaman pokok, kerajaan negeri akan mempunyai pegangan 60 peratus ekuiti dan 40 peratus selebihnya kepada China manakala bagi kilang kertas, pegangan kerajaan negeri ialah 40 peratus dan China sebanyak 60 peratus.

Mengenai lawatan tiga harinya ke Mindanao, Filipina mulai esok, Osu berkata beliau akan menghadiri Persidangan Perdagangan Mindanao di Illigan City dan akan membentangkan kertas kerja mengenai potensi perniagaan di Kawasan Pertumbuhan Ekonomi Asean Timur Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina.

-- BERNAMA

JS NAK